

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) MELALUI APLIKASI TEKNIK WaTaBI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PUISI

Norita Binti Ariffin
Walaini Binti Abu Bakar
Norisah Binti Ahmad
norita7828@gmail.com

Pejabat Pendidikan Daerah Sepang

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengaplikasi pelbagai strategi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid-murid pelbagai aras pencapaian dalam kelas arus perdana di sekolah rendah. Kertas ini melaporkan satu dapatan kajian kuantitatif yang dijalankan bagi melaksanakan PBD dengan mengaplikasi Teknik WaTaBI untuk digunakan oleh guru semasa proses PdP puisi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Kajian telah dijalankan di sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor dengan berpandukan tinjauan awal yang telah dilaksanakan di sekolah rendah di daerah Temerloh, Pahang. Seramai 41 orang guru menjadi peserta kajian ini. Kaedah pengumpulan data digunakan, iaitu soal selidik, senarai semak, lembaran tugas, hasil kerja berkumpulan, catatan dapatan individu dan catatan atau ulasan refleksi. Dapatan kajian dibincangkan mengikut tiga asas PBD yang berdasarkan Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, iaitu melalui pemerhatian, lisan dan bertulis. Proses pelaksanaan kajian menggunakan teknik WaTaBI yang menggabungkan Model Konstruktivisme dan Model Pembelajaran Berasaskan Projek oleh Paul, E Plesek (2007). Dapatan kajian menunjukkan responden dapat mengaplikasikan ketiga-tiga strategi pentaksiran dalam pelaksanaan PdP mencipta puisi. Penggunaan pelbagai teknik pentaksiran juga penting dalam memastikan perkara yang diukur mempunyai kesahan konstruk yang tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan kajian adalah signifikan untuk memberi gambaran sebenar PBD dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam proses mencipta puisi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Penciptaan puisi merupakan kreativiti seni berbahasa yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi kerana proses penciptaannya memerlukan kemahiran menaakul yang jitu dan secara berfasa. Selain itu, inti pati pengkaryaan mencakupi kepelbagaian makna dan nilai murni yang bersesuaian untuk menangani pelbagai isu semasa dalam usaha melangkah menuju transformasi dan menahirkan pentaksiran yang komprehensif untuk melahirkan insan yang holistik.

Kata kunci: *Pentaksiran Bilik Darjah, Mencipta Puisi, Teknik WaTaBI.*

1.0 PENDAHULUAN

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran berterusan yang membolehkan guru mengumpul maklumat tentang perkembangan, kemajuan dan penguasaan murid terhadap Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) setiap mata pelajaran. (BPK,KPM,2018). Dalam

pelaksanaan PBD di Malaysia, guru dan murid memainkan peranan utama bagi memastikan keberkesanan dan mencapai objektif seperti yang ditetapkan dalam DSKP. Hal ini selaras dengan transformasi pendidikan negara yang bertujuan untuk menyediakan satu set indikator untuk menilai potensi murid dan kesediaan untuk belajar, selain menguji penguasaan dan pencapaian kemahiran yang terdapat dalam kurikulum standard pendidikan Malaysia berasaskan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK).

Selaras dengan itu, bagi membangunkan modal insan yang dihasratkan ini, kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran perlu saling bergandingan. Oleh hal yang demikian guru perlu sentiasa berusaha membuat penambahbaikan dalam proses pengajaran mereka. Andy Hargreaves (2003), menyatakan bahawa pendidikan pada masa ini sedang berada dalam *the age insecurity*. Dalam keadaan yang serba tidak menentu ini, guru memainkan yang sangat penting sebagai pemangkin yang mempercepat proses globalisasi. Hal ini akan memudahkan guru memandu arah perkembangan kompetensi murid dalam proses mencipta dan menghasilkan karya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Melalui pengajaran dan pembelajaran kreatif dan inovatif, murid dapat memperoleh ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran, mengamalkan sikap dan nilai serta mengembangkan daya kreativiti dan inovasi mereka.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Buku Panduan Kreativiti Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (2011), dapat dijadikan model untuk memandu arah guru bagi membantu murid dalam pelaksanaan PdP dan pembelajaran bermakna dalam bilik darjah. Selain itu, kemahiran mencipta pantun turut terdapat dalam Kandungan Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah Kebangsaan yang merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran adalah seperti yang berikut:

Tahun 1	Mencipta dan mempersembahkan pantun dua kerat dan empat kerat
Tahun 2	Mencipta dan mempersembahkan pantun dua kerat dan empat kerat secara kreatif
Tahun 3	Mencipta secara berpandu puisi serta memahami maksudnya
	Mencipta pantun empat kerat secara berpandu dan mempersembahkannya secara kreatif
Tahun 4	Membina dan memahami sajak secara terkawal dan mendeklamasikannya dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas secara didik hibur
Tahun 5	Membina syair secara terkawal dan melagukannya dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas secara didik hibur serta memahami syair tersebut
Tahun 6	Mencipta puisi dengan bahasa yang indah dan melafazkannya dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahaminya.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PdP ke arah kemahiran mencipta amat kurang dilaksanakan oleh guru. Hal ini disebabkan oleh kurangnya perhatian dan kefahaman guru tentang keperluan aras mencipta sehingga menyebabkan murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Hal ini selaras dengan keputusan peperiksaan SPM 2017. Menurut dapatan analisis keputusan tersebut, Datuk Dr. Amin Senin, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia telah mengulas bahawa calon yang menguasai kemahiran berfikir aras tinggi pada tahap aplikasi agak tinggi, namun bagi tahap analisis, penilaian dan mencipta didapati calon yang menguasainya hanya berada pada tahap sederhana.

Sehubungan dengan itu, guru perlu mengesan kelemahan diri sendiri dan kelemahan murid, seterusnya memperbaiki amalan profesionalisme mereka. Hal ini merupakan usaha yang mesti dilaksanakan guru bagi membantu memperbaiki pembelajaran murid berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam pentaksiran secara berterusan. Oleh yang demikian kepimpinan dan sikap profesional guru-guru dalam pelaksanaan PBD di peringkat sekolah

amat diperlukan supaya matlamat dan hala tuju SPPK tidak menyimpang dari tujuan asalnya. Guru-guru sebagai pemimpin pelaksanaan PBD di sekolah perlu memahami sedalam-dalamnya konsep, prinsip dan prosedur pelaksanaannya dengan menekankan aspek bimbingan, dorongan dan penilaian secara berterusan kepada murid.

Dalam melaksanakan PBD, guru perlu melakukan pentaksiran dan melaksanakan PBD dengan mentadbir, menilai, memberi skor dan merekod pencapaian murid di peringkat sekolah (Zamri et al: 2010). Penggunaan pelbagai teknik dalam pentaksiran dapat meningkatkan kesahan terhadap konstruk yang diukur. Hal ini bermakna terdapat kesahan yang tinggi dalam keputusan yang dibuat berkaitan pembelajaran murid kerana maklumat untuk membuat keputusan diperoleh daripada pelbagai sumber (Brookhart, 2009). Selain itu, bagi merealisasikan profesionalisme guru dalam melaksanakan PBD, usaha perlu dilakukan untuk membimbing guru supaya dalam membantu murid mengupaya tahap penguasaan seperti yang tercatat dalam DSKP bagi mencapai standard prestasi setiap murid semaksimum mungkin. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap persetujuan guru-guru terhadap pelaksanaan PBD dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mencipta pantun bahasa Melayu sekolah rendah dengan mengaplikasi teknik WaTaBI.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

- i. Guru menganggap PBD sebagai membebankan kerana kurang memahami konsep pelaksanaan sistem PBD. Guru perlu diberi latihan pemahaman yang secukupnya bagi memastikan tahap kompetensi guru yang tinggi. (Datuk Mohd. Ghazali Ab. Rahman, KPM 2012)
- ii. Dapatan daripada Pemantauan Berterusan oleh KPM pada Jun 2019, masih terdapat beberapa kekeliruan berkaitan cara perekodan dan penentuan tahap penguasaan minima. Guru masih memerlukan bimbingan lanjut dalam aktiviti yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid. (KPM, 2019)
- iii. Dapatan tinjauan awal terhadap guru-guru dan murid-murid di daerah Temerloh dan guru-guru di daerah Sepang, didapati guru-guru kurang perhatian dan kefahaman tentang aras mencipta seperti yang terdapat dalam DSKP Bahasa Melayu Tahap 1, iaitu berkaitan dengan kemahiran mencipta pantun dalam kandungan objektif kurikulum bahasa Melayu tahap 1 dan tahap 2 sekolah rendah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk:

- i. Membantu dan menambah baik amalan PBD guru bahasa Melayu sekolah rendah dalam mengupaya tahap penguasaan dan kemahiran mencipta pantun.
- ii. Mendapatkan maklum balas guru tentang pelaksanaan PBD dalam mengaplikasi teknik WataBI bagi proses mencipta pantun.
- iii. Mendapatkan maklum balas guru terhadap penggunaan instrumen PBD dalam pelaksanaan aktiviti mencipta puisi.
- iv.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah sebagai pencetus bagi kajian yang mendalam tentang proses penciptaan puisi berasaskan model kreatif terarah yang berupaya meningkatkan peluang PdP murid secara kritis dan kreatif yang masih belum banyak dijalankan. Diharapkan kajian ini dapat

memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu khususnya yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung untuk melaksanakan pendekatan dan kaedah PBD yang bersesuaian dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat khususnya kepada guru-guru yang mengajarkan bahasa Melayu amnya supaya dapat melaksanakan PBD secara telus dan bijaksana untuk menjadikan PdP menarik dan bermakna serta mencapai tahap penguasaan yang sesuai dengan potensi murid-murid. Kajian ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembimbing guru untuk memudahcara aspek pentaksiran bilik darjah ketika membuat bimbingan.

5.0 BATASAN KAJIAN

Bagi membincangkan tajuk ini, pengkaji akan memberi fokus tentang strategi, kaedah pengajaran, kaedah pentaksiran dan prosedur model proses kreatif terarah dan berasaskan projek dalam pembinaan puisi (pantun) untuk murid tahap 1 (tahun 1 hingga tahun 3) sekolah rendah.

6.0 KAEDAH KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah rujukan kepustakaan, temu bual tidak rasmi dan pemerhatian bagi menyiapkan kajian ini.

7.0 KONSEP-KONSEP PEMBELAJARAN KREATIF DALAM APLIKASI TEKNIK WATABI

7.1 Teori Konstruktivisme

Teori Konstruktivisme didefinisikan sebagai pembelajaran yang bersifat generatif iaitu tindakan mencipta sesuatu makna dari perkara yang dipelajari. Pengetahuan dikembangkan secara aktif oleh pelajar yang mana pembelajaran merupakan hasil daripada usaha pelajar itu sendiri untuk pembinaan konsep atau pengetahuan sendiri.

Konsep pendekatan kosntruktivisme:

1. Pelajar aktif membina pengetahuan berasaskan pengalaman sedia ada
2. Murid mampu membina pengetahuan mereka secara mandiri
3. Pelajar aktif bersama-sama rakan dan saling berkolaboratif
4. Mampu membina pengetahuan diri secara aktif dengan membandingkan informasi baru dengan pemahaman sedia ada

7.2 Konsep Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL)

Pembelajaran berasaskan projek merupakan model terkini untuk merangka aktiviti bagi penghasilan projek atau artifak murid di luar kelas. PBL ini menjana murid agar berpeluang menterjemahkan idea dan keupayaan diri bagi menyelesaikan permasalahan secara berkumpulan untuk menghasilkan sesuatu projek secara terarah.

Konsep pendekatan pembelajaran berasaskan projek :

1. Untuk menarik perhatian murid terhadap topik-topik yang khusus memerlukan proses yang berkesinambungan dan berterusan.
2. Memberi peluang kepada murid menjana idea dan sentiasa berimajinasi mengenai sesuatu topik dan prosedur.
3. Pembelajaran bersama-sama rakan sebaya mengajar menerima dan menghormati perbezaan individu
4. Berkongsi idea dan pandangan untuk penambahbaikan produk / karya.

- Menghargai sumbangan idea dan menghargai hasil kerja pengkarya.


7.3 Konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan.

Konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) :

- Melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat refleksi yang berterusan terhadap PdP.
- Membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdP.
- Memberi gambaran jelas tentang penguasaan murid terhadap Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum.
- Membantu pihak sekolah dan ibu bapa untuk merancang tindakan susulan penambahbaikan pembelajaran murid.

PROSES KREATIF TERARAH PENCIPTAAN PANTUN MODEL WaTaBI



Rajah 1: Model WaTaBI

**Input-Output Model WaTaBI Berdasarkan Gabungan Proses Kreatif Terarah
Konstruktivisme dan Pembelajaran Berasaskan Projek**

**Jadual 1: Fasa-fasa berdasarkan Model WaTaBI dan
Pelaksanaan PBD dalam Aplikasi Teknik WaTaBI mencipta pantun**

FASA	MODEL WaTaBI	KEMAHIRAN / AKTIVITI	KAEDAH PENTAKSIRAN	INSTRUMEN PENTAKSIRAN
Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> • Orientasi • Pengetahuan sedia ada • Tinjauan Masalah • Penyoalan 	<ul style="list-style-type: none"> - Bersoaljawab tentang pengalaman mencipta pantun - Menyatakan dan menulis pantun yang diketahui - Bersoaljawab tentang ciri-ciri pantun - Bersoaljawab tentang struktur pantun - Mengenal dan melafazkan pantun-pantun Melayu yang dilazimi 	<p>PEMERHATIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sikap • Perlakuan & Amalan • Amali • Kemahiran Manupulatif • Kemahiran Bersosial • Kemahiran Belajar • Kemahiran Kinestetik • Kemahiran Literasi Komputer • Kemahiran Mereka Cipta: 	<p>PEMERHATIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Proses Dan Hasil Kerja Murid • Hasil Karya • Buku Skrap • Produk • Kerja Projek -
Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> • Penstruktur an Idea • Meneroka • Menjelas • Konstruk Idea Baru • Meneroka • Merancang • Meramal 	<ul style="list-style-type: none"> - Memilih isi penting dan nilai murni daripada buku teks - Membina 2 baris maksud pantun - Mengenalpasti dan memilih rima akhir baris a;b maksud pantun - mengakses 	<p>LISAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman Konsep • Pengetahuan Fakta • Kemahiran Mendengar • Bahasa yang Tepat • Kefasihian Menghafal • Sebutan • Gaya 	<p>LISAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soal Jawab • Bacaan Kuat • Syarahan • Perbahasan • Bercerita • Perbincangan • Hafazan • Melafazkan • Mendengar dan Memberi Respon

		<p>sekurang-kurangnya 6 kosa kata rima akhir dari internet (merujuk rima akhir a;b daripada baris maksud pantun)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membina 2 baris pembayang pantun menggunakan pilihan rima yang sesuai 	<p>Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertuturan Dan Sikap <p>BERTULIS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menulis • Menyusun Idea • Mengaplikasi • Mentaksir • Menilai • Mencipta 	<p>BERTULIS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja Projek • Peta Pemikiran • Jadual • Rajah • Carta • Ujian Bertulis • Hasil Kerja Bertulis
Fasa 3	<ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan Lanjut • Aplikasi Idea • Eksplorasi • Mencari maklumat • Membuat Prototaip 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengedit dan Membina 2 baris maksud pantun daripada pantun Fasa 2. - Mengenal pasti rima tengah dan rima akhir baris a;b maksud pantun - mengakses sekurang-kurangnya 6 kosa kata rima tengah dan rima akhir dari internet (merujuk rima akhir a;b daripada baris maksud pantun) - Membina 2 baris pembayang pantun menggunakan pilihan rima tengah dan 		

		rima akhir yang sesuai		
Fasa 4	<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian • Kaji semula perubahan idea • Penyiasatan lanjutan • Menganalisis maklumat • Merumus • Menaksir • Melapor • Dokumentasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Menyatakan justifikasi penskoran/ pemarkahan - Mengedit pantun untuk menghasilkan pantun yang menarik pada Kad Manila - Mempersembahkan pantun yang dicipta dengan sebutan, nada, intonasi yang betul - Memberikan justifikasi dan wajar kepada pantun yang diedit dan dipersembahkan - Melengkapkan catatan pada borang KWL - Melengkapkan carta skala potensi refleksi sendiri 		

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan kaedah kajian ini dijalankan. Kajian ini merupakan kajian tindakan yang menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif, iaitu mengaplikasi teknik analisis skala skor sendiri, analisis hasil tugas kumpulan, analisis borang soal selidik dan analisis catatan refleksi responden.

Responden Kajian

Responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada 41 (5 lelaki dan 36 perempuan) orang guru sekolah rendah di Daerah Sepang, Selangor. Guru-guru ini mengajar di sekolah kawasan bandar kecil.

Instrumen Kajian

Antara instrumen pengumpulan data yang kami gunakan dalam pelaksanaan kajian ini ialah borang penilaian sendiri pra dan pos, borang soal selidik dan lembaran pengurusan grafik (LPG).

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan dan analisis data adalah seperti Jadual 2 di bawah :

Jadual 2: Kaedah Pengumpulan Data

Bil.	Soalan Kajian	Instrumen Kajian	Kaedah Analisis
1.	Adakah PBD membantu dan menambah baik amalan PdP guru dalam mengupaya tahap penguasaan dan kemahiran murid mencipta pantun?	Analisis Skala skor Penilaian Kendiri Pra dan Pos Analisis dokumen latihan sebagai eviden pelaksanaan PBD responden	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peningkatan markah antara ujian pra dan ujian pos. ▪ Menilai pelaksanaan PBD dalam aplikasi WaTaBI secara berfasa oleh responden ▪ Peningkatan skor sendiri guru skala 1- 5
2.	Apakah pandangan guru tentang pelaksanaan PBD dalam mengaplikasi teknik WataBI untuk mencipta pantun?	Analisis borang soal selidik pelaksanaan PBD dalam aplikasi teknik WaTaBI	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peratusan responden yang bersetuju terhadap aplikasi PBD dalam teknik WaTaBI.
3.	Apakah cadangan guru terhadap penggunaan instrumen PBD dalam pelaksanaan aktiviti mencipta puisi?	Analisis catatan refleksi pelaksanaan PBD dalam aplikasi teknik WaTaBI responden	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peratusan refleksi berdasarkan kelompok cadangan responden

8.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Kajian

Analisis dapatan dalam kajian ini dibincangkan mengikut objektif kajian, iaitu berkaitan aplikasi teknik WaTaBI oleh guru Bahasa Melayu dalam kemahiran mencipta pantun. Perbincangan ini merangkumi bahagian A iaitu profil responden, bahagian B amalan kreativiti dalam PdP, bahagian C aplikasi WaTaBI, dan bahagian D refleksi responden

Analisis Dapatan Kajian Bahagian A –Profil Responden

Jadual 3:
Profil Responden

Profil		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	5	12.2
	Perempuan	36	87.8
Opsyen	Bahasa Melayu	29	70.7
	Lain-lain	12	29.3
Pengalaman mengajar	0 hingga 5 tahun	4	11.4
	6 hingga 10 tahun	16	31.4
	11 tahun ke atas	21	57.2
Hadir kursus KBAT	Ya	21	51.2
	Tidak	20	48.8

Analisis Dapatan Kajian Bahagian B

Bahagian ini membincangkan amalan kreativiti responden dalam PdP. Bahagian ini mengandungi lapan, sebanyak lapan item soalan telah dikemukakan kepada responden. Analisis deskriptif menggunakan peratusan pernyataan ‘Ya’ dan ‘Tidak’ bagi menunjukkan amalan kreativiti responden dalam pelaksanaan PdP. Analisis data dan dapatan kajian adalah seperti yang berikut.

Jadual 4:
Amalan Kreativiti Responden

Bil.	Pernyataan	Ya (Peratus)	Tidak (Peratus)
B1.	Saya kerap menggunakan alat berfikir yang sesuai untuk pelbagai aktiviti dalam PdP	38 (92.7)	3 (7.3)
B2.	Saya menggunakan pelbagai bentuk pentaksiran untuk melihat perubahan kefahaman, kemahiran dan sikap murid.	37 (90.2)	4 (9.8)
B3.	Saya sering membuat refleksi dan mendapati murid belum mampu untuk mencipta apa-apa bentuk hasil karya.	38 (92.7)	3 (7.3)
B4.	Saya membuat kajian tindakan untuk membantu murid-murid menjana idea.	30 (73.2)	11 (26.8)
B5.	Saya mampu mencipta puisi seperti sajak.	18 (43.9)	23 (56.1)
B6.	Saya mampu mencipta puisi seperti pantun.	27 (65.9)	14 (34.1)
B7.	Saya mampu mencipta puisi seperti syair.	11 (26.8)	30 (73.2)

B8.	Saya mampu mencipta puisi seperti lirik lagu.	12 (64.3)	29 (70.7)
-----	---	--------------	--------------

Jadual 4 menunjukkan skor peratusan bagi amalan kreativiti responden dalam pelaksanaan PdP. Item yang mendapat peratusan tertinggi ialah item B1 (*Saya kerap menggunakan alat berfikir yang sesuai untuk pelbagai aktiviti dalam PdP*) dan B3 (*Saya sering membuat refleksi dan mendapati murid belum mampu untuk mencipta apa-apa bentuk hasil karya*). Manakala item B7 (*Saya mampu mencipta puisi seperti syair*) dan B8 (*Saya mampu mencipta puisi seperti lirik lagu*) mendapat peratusan ‘Ya’ yang rendah daripada responden.

Analisis Dapatan Kajian Bahagian C

Bahagian ini membicarakan aplikasi teknik waTaBI dalam pelaksanaan PdP pantun. Sebanyak 14 item soalan telah dikemukakan kepada responden. Analisis deskriptif menggunakan peratusan bagi pernyataan sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (Tidak Setuju), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Analisis data dan dapatan kajian adalah seperti yang berikut.

Jadual 5:
Pelaksanaan PBD dalam Aplikasi Teknik WaTaBI

Bil.	Aplikasi Teknik Watabi Pernyataan	Bilangan Responden				Peratus Setuju
		STS	TS	S	SS	
C1	Mudah dilaksanakan	-	-	38	3	100
C2	Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	-	-	31	10	100
C3	Menepati DSKP Bahasa Melayu	-	-	28	13	100
C4	Melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang tersusun	-	-	36	5	100
C5	Menepati kehendak pentaksiran	-	-	26	15	100
C6	Mengukur tahap pencapaian murid	-	2	32	7	95.5
C7	Menyediakan latihan yang sesuai dengan tahap murid	-	-	36	5	100
C8	Memudahkan murid mencipta puisi	-	-	36	5	100
C9	Menarik minat murid untuk mencipta puisi	-	4	32	5	90.9
C10	Menerapkan unsur KBAT	-	-	30	11	100
C11	Menerapkan kemahiran 4K 1N (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreatif, dan nilai)	-	-	30	11	100
C12	Memudahkan guru membimbing murid untuk mencipta puisi (pantun)	-	2	24	15	95.5
PURATA		-	1.62	77.03	21.35	98.38

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi aplikasi teknik WaTaBI berdasarkan pandangan guru. Dapatan menunjukkan bahawa 98.38% responden menyatakan persetujuan dengan aplikasi

teknik WaTaBI. Manakala 1.62% sahaja responden yang tidak setuju, iaitu C6 (*Mengukur tahap pencapaian murid*) dan C12 (*Memudahkan guru membimbing murid untuk mencipta puisi*). Sementara itu, item C9 (*Menarik minat murid untuk mencipta puisi*) seramai 4 responden sahaja. Responden bersetuju dengan item C1, C2, C3, C4, C5, C7, C8, C10 dan C11 (9 item). Item yang mendapat min tertinggi ialah item C1 (*Aplikasi WaTaBI mudah dilaksanakan*, manakala item C9 (*Aplikasi WaTaBI menarik minat murid untuk mencipta puisi*) mendapat persetujuan yang rendah daripada responden. Secara keseluruhan, aplikasi teknik WaTaBI mendapat maklum balas yang positif daripada responden.

Analisis Dapatan Kajian Bahagian D

Bahagian ini membincangkan aplikasi penggunaan instrumen PBD dalam melaksanakan teknik WaTaBI. 98.17% responden bersetuju dengan penggunaan 8 instrumen PBD. Sementara itu hanya 1.83% responden yang menyatakan tidak setuju pada item D2, D6 dan D7.

Jadual 6:
Penggunaan Instrumen PBD dalam Pelaksanaan Aktiviti Mencipta Puisi

Aplikasi Instrumen dalam Teknik WaTaBI		Bilangan Responden				Peratus Setuju
Bil.	Pernyataan	STS	TS	S	SS	
	Membantu guru melaksanakan PBD melalui pelbagai kaedah menggunakan instrumen					
D1	(i) senarai semak	-	-	34	7	100
D2	(ii) soal selidik	-	2	32	7	95.5
D3	(iii) lembaran kerja	-	-	28	13	100
D4	(iv) rekod berterusan	-	-	28	13	100
D5	(v) skala kadar	-	-	34	7	100
D6	(vi) ujian lisan/bertulis	-	2	26	13	95.5
	Membantu guru melaksanakan PBD melalui pelbagai aktiviti					
D7	(i) projek mudah (poster)	-	2	26	13	95.5
D8	(ii) kuiz (<i>Quizizz</i>)	-	-	32	9	100
PURATA		-	1.83	73.78	24.39	98.17

Analisis Dapatan Kajian Bahagian E

Bahagian ini membincangkan analisis catatan refleksi responden secara kualitatif. Catatan refleksi responden pada sesi akhir bengkel mendapati bahawa 31.71% responden menyatakan teknik WaTaBI mudah diaplikasikan dalam PdP. Sementara itu, 36.58% responden pula menyatakan teknik ini mudah difahami dan dapat meningkatkan kefahaman mencipta pantun manakala 31.71% responden menyatakan teknik WaTaBI ini tersusun, sistematik dan berkesan untuk mentaksir tahap penguasaan murid.

Jadual 7:
Catatan Refleksi Responden tentang pelaksanaan PBD dalam Aplikasi Teknik WaTaBI

Bil.	Refleksi	Responden	Peratus
1.	Teknik WaTaBI mudah diaplikasikan dalam melaksanakan PBD	13	31.71
2.	Teknik WaTaBI mudah difahami dan meningkatkan kemahiran mencipta pantun.	15	36.58
3.	Teknik WaTaBI merupakan teknik yang tersusun, sistematik dan berkesan untuk mentaksir tahap penguasaan murid	13	31.71
Jumlah		41	100

9.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, proses mencipta puisi khususnya pantun agak mencabar terutamanya kepada murid-murid sekolah rendah yang berada pada tahap satu (darjah 1 hingga darjah 3). Namun demikian, prosedur proses Model WaTaBI ini didapati selari dengan konsep PBD berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran untuk mencapai Tahap penguasaan berdasarkan potensi murid seperti yang terkandung dalam DSKP. Teknik WaTaBI dapat membantu guru untuk membimbing dan memupuk minat murid secara berpemeringkatan untuk mengupaya tahap penguasaan murid dalam penciptaan pantun. Walaupun, proses mencipta pantun yang baik memerlukan jangka masa yang agak panjang, akan tetapi dengan penerapan elemen PBD dalam Model WaTaBI yang menggunakan pendekatan secara berfasa ini mampu menarik dan memupuk minat, memotivasikan murid serta meningkatkan kreativiti secara berterusan. Penggunaan instrumen PBD yang sesuai merupakan stimulus yang dapat merangsang aktiviti PdP selain dapat dijadikan eviden perkembangan potensi dan tahap penguasaan kemahiran murid. Fasa-fasa proses kreatif dalam aplikasi teknik WaTaBI berupaya membantu perkembangan pemikiran kritis dan kreatif serta inovatif murid.

Di samping itu, kaedah pentaksiran yang pelbagai dan fleksible seperti kaedah pemerhatian, lisan dan bertulis ini akan menjadikan PdP lebih bermakna kepada guru dan murid. Pelaksanaan PBD yang berkesan dapat menyumbang kepada suasana pembelajaran yang kodusif dan menyeronokkan. Kaedah pentaksiran yang autentik ini dapat memberi fokus kepada perkembangan insan yang holistik dan seimbang bertepatan dengan anjakan transformasi pendidikan negara.

10.0 CADANGAN

Hasil pelaksanaan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran pantun ini dijangka dapat membantu guru membimbing murid menguasai kemahiran mencipta pantun seperti yang terkandung dalam DSKP. Justeru memperkaya koleksi dan hasil ciptaan pantun murid melalui pendokumentasian karya sebagai eviden pentaksiran murid. Guru-guru khasnya Ketua Panitia mata pelajaran bahasa Melayu sekolah rendah perlu memastikan PBD diberi perhatian dan memastikan kebertanggungjawaban guru-guru dalam melaksanakan pentaksiran secara jujur dan telus. Justeru, penguasaan aspek puisi dan kesusasteraan dapat berkembang dalam kalangan murid sejak di alam persekolahan.

Dicadangkan satu kajian yang terperinci tentang elemen dan pelaksanaan PBD perlu diselarikan dalam kandungan dan proses serta fasa-fasa mencipta pantun Model WaTaBI untuk dilaksanakan kepada guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

11.0 RUJUKAN

- Abdul Fatah Hassan. (1990). *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Andy Hargreaves (2003), *Teaching in The Knowledge Society*. Milton Keynes: Open University Press.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Buku Panduan Kreativiti Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Panduan Pelaksanaan Bilik Darjah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 1*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 2*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 3*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2012). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Brookhart, S. M. (2009), *The many meanings of multiple-measures*. *Educational Leadership*, 67 (3): 6-1.
- Dewi Wulandari, Susetyo dan Amrizal. (2017). *Pelaksanaan Pembelajaran Menulis Teks Pantun Pada Siswa Kelas VII SMPN 3 Kota Bengkulu*.
- Hadi Susanto. (2015). *Pembelajaran Menulis Pantun*. *Blog Wong Kapetakan's*. Indonesia.
- Hamidon bin Abd Rahman dan Nakoo bin Mustan. (2018). *Kajian Tindakan Pendekatan Penyelidikan Abad ke-21*. Genting Highlands: RVG Publishing House Sdn. Bhd.
- Harun Mat Piah. (Eds.). (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Ismail Ali. (1985), *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Longman.
- Ismail Zain. (2003), *Pelajar Cemerlang Melangkah ke Alam Siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Kamarudin bin Jeon & Siti Hajar binti Abdul Aziz. (2012). *Buku Teks Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abdul Mutalib, Ahamad Shabudin Yahaya, Rosli Sahat dan Badrul Hisham Alang Osman. (2012). *Menguasai penyelidikan tindakan : untuk PISMP dan DPLI*. Ipoh: IPG Kampus Ipoh.
- Lechner, F.J.& Boli, J. (2000). *The Globalization Reader*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Razali Haji Yu (2007). *Teknik Mudah Mengajar Pantun*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Siti Hajar Che Man (2013). *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya*. *Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*. Vol.1(1):110-111.
- Sumadi Surybrata (2012). *Psikologi Pendidikan*. Jakarta: Rajawali Press.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Muhd Rahimi Mohd Yusoff. (2010). *Pentaksiran Bilik Darjah: Panduan Untuk Guru Bahasa Melayu, Inggeris, dan Arab*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

